# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**

**Telekomunikasi (Pindaan) 1985**

**DR.18/1985**

D. R. No. 18/85



## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Telekomunikasi (Pindaan) 1985 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuat-kuasa.

**2.** Walau apa pun seksyen 26— Kecualian.

(*a*) peruntukan-peruntukan Bahagian VI hendaklah terus berkuatkuasa semasa wujudnya hak untuk menyusun, menerbit dan mencetak apa-apa panduan telefon atau teleks yang diberikan oleh pihak berkuasa telekomunikasi kepada mana-mana orang sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini; dan

(*b*) hak eksklusif pihak berkuasa telekomunikasi untuk menyusun, menerbit dan mencetak semua panduan telefon dan teleks hendaklah selepas tamatnya hak yang disebutkan dalam perenggan (*a*) berpindah kepada mana-mana orang yang dilesenkan di bawah seksyen 3 (3) untuk menubuhkan, menyenggarakan atau mengerjakan telekomunikasi di mana-mana bahagian dalam Malaysia.

Pindaan seksyen 2. *Act 20.*

**3.** Seksyen 2 Akta Telekomunikasi 1950, yang dalam Akta ini disebut "Akta ibu", adalah dipinda—

(*a*) dengan memasukkan, sebelum sahaja tafsiran "Land Authority", tafsiran-tafsiran baru bagi "Director General" dan "international transit service" yang berikut:

'"Director General" means the Director General of Telecommunications, Malaysia;

"international transit service" means a telecommunication service consisting in the conveyance of sounds, visual images or signals which have been conveyed from, and are to be conveyed to, places outside Malaysia including transit traffic through Malaysia;';

(*b*) dengan memotong tafsiran "Magistrate";

(*c*) dengan memotong perkataan-perkataan "in West Malaysia" yang terdapat dalam tafsiran "President";

(*d*) dengan menggantikan tafsiran "telecommunication" dengan tafsiran baru bagi "telecommunication" yang berikut:

'"telecommunication" means a system for the conveyance, through the agency of electric, magnetic, electro-magnetic, electro-chemical or electro-mechanical energy of—

(*a*) speech, music and other sounds;

(*b*) visual images;

(*c*) signals serving for the impartation (whether as between persons and persons, things and things or persons and things) of any matter otherwise than in the form of sounds or visual images; or

(*d*) signals serving for the actuation or control of machinery or apparatus;'; dan

(*e*) dengan memasukkan, selepas sahaja tafsiran "telecommunication authority", tafsiran baru bagi "telecommunication engineer" yang berikut:

'"telecommunication engineer" means an engineer registered under the Registration of Engineers Act 1967 and who has appropriate experience in telecommunications;'. *Act 138.*

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 3, seksyen baru 3A dan 3B yang berikut: Seksyen baru 3A dan 3B.

"The Director General of Telecommunications.

3A. (1) The Minister shall appoint any person to be known as the Director General of Telecommunications for the purpose of performing the functions assigned to him under this Act.

(2) No person shall be appointed to the office of Director General unless he is a telecommunication engineer.

Duties and functions of Director General.

3B. (1) It shall be the duty and function of the Director General—

(*a*) to exercise regulatory functions in respect of the conduct of telecommunications and the running of telecommunication services in Malaysia including the establishment of standards and their enforcement;

(*b*) to regulate the use of the radio frequency spectrum;

(*c*) to regulate the national use of the geostationary-satellite orbit;

(*d*) to represent the Government in respect of international telecommunication matters which are on a government-to-government basis and to do all things necessary for this purpose;

(*e*) to promote the provision of international transit services by persons providing telecommunication services in Malaysia;

(*f*) to promote the interests of consumers, purchasers and other users of telecommunication services or telecommunication apparatus in Malaysia (including in particular, those who are disabled) in respect of the prices charged for, and the quality and variety of, services provided and apparatus supplied;

(*g*) to encourage major users of telecommunication services whose places of business are outside Malaysia to establish places of business in Malaysia;

(*h*) to promote research into and the development and use of new techniques by persons engaged in commercial activities connected with telecommunications in Malaysia; and

(*i*) to enable such persons to establish and maintain a leading position in the field of telecommunications.

(2) In discharging the duties imposed on him by subsection (1), the Director General shall have regard to—

(*a*) efficiency and economy;

(*b*) satisfying all reasonable demands for telecommunication services;

(*c*) fostering the development and expansion of the telecommunication service of the world in collaboration with other countries and international organisations concerned with world telecommunications;

(*d*) the promotion of measures for the safety of life through telecommunications;

(*e*) the provision of domestic and overseas telecommunication services at rates consistent with efficient service;

(*f*) the promotion of research in telecommunications, in particular, the peaceful uses of telecommunication technology including that relating to the geostationary-satellite orbit; and

(*g*) collaboration with educational institutions for the promotion of technical education in the field of telecommunications.".

5. Subseksyen (3) seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 4.

(*a*) dengan menggantikan perkataan "English" dengan perkataan "Malay" dan perkataan "Malay" dengan perkataan "English"; dan

(*b*) dengan memotong perkataan-perkataan "or Chinese" yang terdapat dalamnya.

6. Subseksyen (2) seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 7.

(*a*) dengan memasukkan, selepas perkataan "the" dalam subperenggan (iv) perenggan (*a*), perkataan "standards,";

(*b*) dengan menggantikan perkataan "hundred" di mana ianya terdapat kali pertama dalam subperenggan (i) perenggan (*b*) dengan perkataan "thousand"; dan

(*c*) dengan menggantikan perkataan "one" dalam subperenggan (i) perenggan (*b*) dengan perkataan "two".

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 7, seksyen-seksyen baru 7A dan 7B yang berikut: Seksyen baru 7A dan 7B.

"Submission of memorandum for any change in existing rates.

7A. (1) Any person licensed under section 3 (3) shall prepare and submit to the Minister a memorandum containing proposals for any change in the existing rates prescribed under any regulations made under section 7.

(2) Where the Minister rejects the memorandum, the person so licensed may, where there is a change in circumstances relating to the proposals in the memorandum, apply to the Minister for a review:

Provided that such application shall be made before the expiration of thirty days from the date of notice of rejection of the memorandum.

Procedure where no reply is received from Minister.

7B. (1) Where no reply is received from the Minister as regards—

(*a*) the memorandum submitted under subsection (1) of section 7A within six months of its submission; or

(*b*) the application for review submitted under subsection (2) of section 7A within three months of its submission,

the change in the existing rates as contained in the memorandum submitted under subsection (1) or the application for review submitted under subsection (2) of section 7A shall take effect after the expiration of the period in paragraph (*a*) or (*b*) respectively and upon publication as required under subsection (2).

(2) The person so licensed shall publish the change in the existing rates on the expiration of such period mentioned in paragraph (*a*) or (*b*) of subsection (1) in the local newspapers, at least one in the Malay language and one in the English language.

(3) The Minister shall as soon as practicable make regulations under section 7 in respect of such change in the existing rates:

Provided that nothing in this subsection shall derogate from the provisions of subsections (3) and (4) of section 7.".

Pindaan seksyen 9A.

**8.** Seksyen 9A Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dengan memotong tafsiran "Director General"; dan

(*b*) dengan memasukkan, selepas tafsiran "Development Fund", tafsiran baru bagi "transfer date" yang berikut:

"'transfer date' means the date on which all property, rights and liabilities in respect of telecommunication services, other than excepted lands and designated property, to which the Government of Malaysia was entitled or subject to, are transferred to a company by virtue of the Telecommunication Services (Successor Company) Act 1985.".

*Act*

**9.** Subseksyen (1) seksyen 9C Akta ibu adalah dipinda— **Pindaan seksyen 9C.**

(*a*) dengan menggantikan perkataan "services" dalam perenggan (*a*) dengan perkataan "authority";

(*b*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "telecommunication services" dalam perenggan (*b*) dengan perkataan-perkataan "facilities required by the telecommunication authority in the exercise of its powers and functions";

(*c*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "works or services performed" dalam perenggan (*c*) dengan perkataan-perkataan "licence issued, or services performed,";

(*d*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "before the appointed date in respect of telecommunication services" dalam subperenggan (ii) perenggan (*c*) dengan perkataan-perkataan "to the telecommunication authority after the transfer date"; dan

(*e*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "before the appointed date in respect of telecommunication services" dalam subperenggan (ii) perenggan (*d*) dengan perkataan-perkataan "to the telecommunication authority after the transfer date".

**10.** Subseksyen (1) seksyen 9D Akta ibu adalah dipinda— **Pindaan seksyen 9D.**

(*a*) dengan menggantikan perkataan "services" yang terdapat selepas perkataan "telecommunication" dalam perenggan (*b*) dengan perkataan "authority";

(*b*) dengan menggantikan perkataan "appointed" dan perkataan "services" dalam subperenggan (ii) perenggan (*c*) masing-masing dengan perkataan "transfer" dan perkataan "authority";

(*c*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "operation of telecommunication services" dalam subperenggan (iii) perenggan (*c*) dengan perkataan-perkataan "exercise of the powers and functions of the telecommunication authority"; dan

(*d*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Federation on the telecommunication services" dalam perenggan (*d*) dengan perkataan-perkataan "telecommunication authority".

Pindaan seksyen 9E.

**11.** Seksyen 9E Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "telecommunication services" yang terdapat dalamnya dengan perkataan-perkataan "the promotion and regulation of telecommunications".

Pindaan seksyen 9H.

**12.** Seksyen 9H Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "telecommunication services" yang terdapat dalamnya dengan perkataan-perkataan "promotion and operations of telecommunications".

Pindaan seksyen 9J.

**13.** Seksyen 9J Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dengan menggantikan perkataan "Profits" dalam nota birai dengan perkataan-perkataan "operating surplus"; dan

(*b*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "profit arising from the telecommunication services" yang terdapat dalamnya dengan perkataan-perkataan "operating surplus arising from the operations of the telecommunication authority".

Pindaan seksyen 9K.

**14.** Seksyen 9K Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dengan menggantikan perkataan "services" yang terdapat selepas perkataan-perkataan "operations of the telecommunication" dengan perkataan "authority";

(*b*) dengan menggantikan perkataan "services" yang terdapat selepas perkataan-perkataan "in respect of those" dengan perkataan "operations"; dan

(*c*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "telecommunication services" yang terdapat selepas perkataan-perkataan "matters relating to" dengan perkataan-perkataan "the operations of the telecommunication authority".

**15.** Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 16.

(*a*) dengan memotong perkataan-perkataan "or a Magistrate" di mana jua terdapat dalam seksyen itu;

(*b*) dengan memotong perkataan-perkataan ", in the case of West Malaysia" dan perkataan-perkataan "and, in the case of East Malaysia into the court of a Magistrate of the First Class for the district" yang terdapat dalam subseksyen (4); dan

(*c*) dengan memotong perkataan-perkataan "or Magistrate" di mana jua terdapat dalam seksyen itu.

**16.** Seksyen 17 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "or Magistrate" di mana jua terdapat dalam seksyen itu. Pindaan seksyen 17.

**17.** Seksyen 18 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "or a Magistrate" dan perkataan-perkataan "or Magistrate" yang terdapat dalam subseksyen (5). Pindaan seksyen 18.

**18.** Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 19. Potongan seksyen 19.

**19.** Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "two hundred and fifty" yang terdapat dalamnya dengan perkataan-perkataan "five hundred". Pindaan seksyen 21.

Pindaan seksyen 25.

**20.** Seksyen 25 Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dengan memotong perkataan-perkataan "or three times the sum which appears to the court to be the value of the telecommunication plant and the revenue loss arising from the damage caused whichever is the greater" yang terdapat dalam subseksyen (1);

(*b*) dengan memotong perkataan "(1)" di permulaan seksyen; dan

(*c*) dengan memotong subseksyen (2).

Seksyen baru 33A.

**21.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 33, seksyen baru 33A yang berikut:

"Increased penalty.

33A. Except for section 25, the court shall on conviction increase the fine provided for in any of the sections under this Part to a maximum fine of ten times of the fine so specified in that section.".

Pindaan seksyen 35.

**22.** Subseksyen (1) seksyen 35 Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dengan memasukkan, selepas perkataan "of" dalam tafsiran "radiocommunication", perkataan-perkataan "radio or";

(*b*) dengan memasukkan, sebelum perkataan-perkataan "Hertzian waves" dalam tafsiran "Hertzian waves", perkataan-perkataan "radio or";

(*c*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "between 10 Kc/s and 3,000,000 Mc/s" yang terdapat dalam tafsiran "radio or Hertzian waves" dengan perkataan-perkataan "having frequencies lower than 3,000 GHz propagated in space without artificial guide"; dan

(*d*) dengan memasukkan, selepas perkataan-perkataan "reception of" dalam tafsiran "radiocommunication apparatus", perkataan-perkataan "radio or".

**23.** Seksyen 39 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 39.

(*a*) dengan menggantikan perkataan "one" dalam subseksyen (1) dengan perkataan "three"; dan

(*b*) dengan memotong perkataan-perkataan 'In this subsection "Magistrate" means a Magistrate of any class.' yang terdapat dalam subseksyen (2).

**24.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 42, seksyen baru 42A yang berikut: Seksyen baru 42A.

"Compounding of offences. 42A. (1) Any officer, being authorised in writing in that behalf by the Minister, may compound any offence under this Act or under any regulations made under this Act, being an offence prescribed under subsection (2), by accepting from any person reasonably suspected of having committed such offence a sum of money not exceeding three hundred ringgit.

(2) The Minister may make regulations to prescribe the offences which may be compounded, the forms to be used and the procedure for compounding the offences.".

**25.** Seksyen 43 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas perkataan "exceeding" dalam subseksyen (1), perkataan-perkataan "one thousand and". Pindaan seksyen 43.

**26.** Bahagian VI Akta ibu adalah dipotong. Potongan Bahagian VI.

---

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Telekomunikasi 1950. *Akta 20.*

2. *Fasal 1* membuat peruntukan mengenai tajuk ringkas dan tarikh mula berkuatkuasa.

3. *Fasal 2* mengandungi satu peruntukan kecualian yang memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan Bahagian VI berhubungan dengan buku-buku panduan hendaklah terus berkuatkuasa semasa wujudnya hak untuk menyusun, menerbit dan mencetak mana-mana buku panduan yang diberikan oleh pihak berkuasa telekomunikasi kepada mana-mana orang sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini.

4. *Fasal 3* bertujuan memasukkan tafsiran-tafsiran baru bagi "international transit service" dan "telecommunication engineer" dan juga mengemaskinikan tafsiran bagi "telecommunication".

5. *Fasal 4* bertujuan memasukkan dua seksyen baru iaitu seksyen 3A dan 3B. Seksyen baru 3A membuat peruntukan mengenai perlantikan Ketua Pengarah Telekom yang hendaklah seorang jurutera telekom.

Dengan penswastaan perkhidmatan telekom, adalah dijangkakan yang Ketua Pengarah kenalah melaksanakan fungsi-fungsi tertentu, khususnya, penjalanan fungsi-fungsi kawalseliaan berkenaan dengan penjalanan telekomunikasi dan perkhidmatan telekomunikasi termasuk penetapan piawaian dan penguatkuasaannya. Dengan demikian, seksyen baru 3B menetapkan tugas dan fungsi Ketua Pengarah.

6. *Fasal 7* bertujuan memasukkan dua seksyen baru iaitu seksyen 7A dan 7B. Seksyen 7A memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta boleh mengemukakan kepada Menteri satu memorandum mengandungi cadangan-cadangan membuat apa-apa perubahan pada kadar-kadar yang ditetapkan di bawah mana-mana peraturan.

Seksyen 7B menetapkan prosedur yang hendak diikuti kiranya tiada jawapan diterima daripada Menteri.

7. *Fasal 8* hingga *14* bertujuan meminda peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Bahagian IIA berhubungan dengan Kumpulan Wang Telekomunikasi dan ianya adalah berbangkit dari penswastaan Jabatan Telekom, Malaysia.

8. *Fasal 21* memberi kuasa kepada Mahkamah untuk meningkatkan denda yang diperuntukkan di bawah Bahagian IV Akta, kecuali seksyen 25, hingga maksimumnya sebanyak sepuluh kali ganda amaun yang dinyatakan sedemikian.

9. *Fasal 22* bertujuan memasukkan gelombang radio ke dalam tafsiran "radiocommunication" dan mengemaskinikan tafsiran "Hertzian waves".

10. *Fasal 24* mengemukakan satu seksyen baru yang membuat peruntukan mengenai pengkompaunan kesalahan-kesalahan.

11. Lain-lain pindaan yang dicadangkan kepada Akta yang tidak disebutkan dengan nyatanya adalah pindaan-pindaan yang berbangkit atau yang kecil sahaja.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1100.]